

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

**TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta MENTERI
TENAGA DAN SUMBER ASLI menyatakan langkah penggubalan Dasar
Mineral Negara termasuk perlombongan sumber asli baharu iaitu nadir
bumi.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Mineral Negara 2 (DMN2) yang dilancarkan pada 22 Januari 2009, telah digubal dengan memberikan penekanan terhadap usaha meningkatkan sumbangan sektor mineral terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara melalui pembangunan sumber mineral yang efisien, bertanggungjawab dan mapan di samping penggunaan sumber-sumber mineral secara optima tanpa mengabaikan kelestarian alam sekitar.
2. DMN 2 telah digubal bagi tujuan untuk memastikan pembangunan yang mapan dan penggunaan sumber mineral secara optima, untuk mempromosikan penerajuan terhadap alam sekitar bagi memastikan sumber mineral negara dibangunkan secara mesra alam sekitar, bertanggungjawab dan mampan, untuk mempertingkatkan daya saing dan kemajuan sektor mineral di arena global, untuk memastikan penggunaan mineral tempatan dan mempromosikan lagi pembangunan produk berasaskan mineral, dan untuk menggalakkan perolehan, kitar semula dan guna semula logam dan mineral.
3. Bagi tujuan itu, DMN 2 telah dirangka berdasarkan beberapa teras utama antaranya pengembangan sektor mineral, penerajuan alam sekitar, pewujudan informasi mineral yang bersepadu serta penglibatan komuniti dan tanggungjawab sosial.
4. Selaras dengan keperluan untuk membangunkan industri mineral ke arah yang lebih berdaya saing dan mampan, Kerajaan telah meneliti semula dasar-dasar sedia ada agar dapat menterjemahkan hasrat Kerajaan. Oleh itu, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli menggubal satu pelan yang khusus iaitu Pelan Transformasi Industri Mineral 2021-2030 (TIM 2021-2030) untuk membangunkan industri mineral secara komprehensif merangkumi semua aktiviti dalam rangkaian industri mineral daripada peringkat hulu hingga hiliran dengan penekanan kepada aktiviti penambahan nilai kepada sumber mineral.

5. Kerangka Pelan TIM 2021-2030 dibangunkan berdasarkan 5 teras utama seperti berikut:

- (i) Teras 1: Tadbir urus dan Perundangan;
- (ii) Teras 2: Pembangunan Rantaian Nilai Industri Mineral;
- (iii) Teras 3: Inventori dan Pemetaan Sumber Mineral;
- (iv) Teras 4: Teknologi dan Inovasi; dan
- (v) Teras 5: Pembangunan Modal Insan

6. Pelaksanaan Pelan TIM 2021-2030 akan dipacu oleh visi dan misi yang jelas dan menyeluruh. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli merumuskan visi untuk menjadi **“Peneraju Utama Pembangunan Industri Mineral Negara Menjelang 2030”** sebagai agenda utama yang perlu dicapai dan dipandu melalui misi **“Ke Arah Pembangunan Industri Mineral Yang Mampan”**. Ia memberi gambaran jelas bahawa usaha kerajaan bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan industri mineral semata-mata, malahan turut mengamalkan konsep pembangunan secara mampan bagi mengekalkan kelestarian alam sekitar.

7. Berhubung dengan perlombongan unsur nadir bumi pula, Kerajaan menyedari potensi untuk pembangunan industri berkaitan mineral tersebut dan dalam proses penyediaan dokumen berkaitan Prosedur Operasi Standard Pembangunan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE). Ini bagi memastikan pembukaan lombong NR-REE bukan sahaja dapat dikembangkan secara efektif malahan industri ini akan dapat dijalankan secara bertanggung jawab dan mampan selaras dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.